



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (96)

SIARAN MEDIA

MAHA 2026 JADI PENTAS NASIONAL USAHAWAN DAN INOVASI PERIKANAN

SERDANG, 29 Ogos 2026 – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 menjadi pentas nasional kepada 10 usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) dan myKomuniti Perikanan (myKP) terpilih dari seluruh negara menerusi Karnival myAP dan myKP Kebangsaan 2026. Usahawan yang diketengahkan terdiri daripada perusahaan yang telah mencapai tahap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 3 dan ke atas, dengan nilai purata pengeluaran tahunan sehingga RM1 juta.

Penganjuran ini memberi peluang kepada usahawan bimbingan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk memperkenalkan pelbagai produk hiliran dan inovasi berasaskan hasil perikanan tempatan kepada pengunjung MAHA, di samping memperluas jaringan perniagaan dan akses pasaran. Karnival ini merupakan kemuncak kepada penganjuran Karnival myAP dan myKP Zon Timur serta Zon Selatan yang sebelum ini menghimpunkan 40 usahawan bimbingan Jabatan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan turut dihadiri YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan. Selaras dengan tema MAHA 2026, "Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan", penganjuran ini memberi penekanan kepada usaha meningkatkan nilai hasil perikanan melalui pembangunan keusahawanan, inovasi, pemindahan teknologi dan pengkomersialan produk.

YBhg. Dato' Sri Norazman berkata, kejayaan sesebuah industri tidak hanya bergantung kepada kekayaan sumber yang dimiliki, sebaliknya bergantung kepada keupayaan untuk mencipta nilai daripada sumber tersebut. Menurut beliau, penciptaan nilai merangkumi proses daripada bimbingan dan pembangunan kemahiran usahawan, penambahbaikan produk, penjenamaan serta pembungkusan sehingga produk berjaya memasuki pasaran.

"Kerajaan sentiasa percaya bahawa kejayaan sesebuah industri tidak hanya bergantung kepada kekayaan sumber yang dimiliki, tetapi bergantung kepada sejauh mana kita mampu mencipta nilai daripada sumber tersebut," katanya.

Sehingga tahun 2026, seramai 779 usahawan myAP telah berdaftar di bawah Jabatan Perikanan Malaysia, manakala 253 myKP telah ditubuhkan dengan penyertaan 6,500 ahli komuniti perikanan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 34 peratus usahawan dan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

komuniti perikanan bimbingan Jabatan telah mencapai tahap PKS 3 dan PKS 4, dengan nilai pengeluaran tahunan antara RM150,000 hingga RM1 juta.

Turut menjadi tumpuan ialah pelancaran produk inovasi Pusat Pengembangan Teknologi Perikanan (PPTP) yang dibangunkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan berjaya dikomersialkan oleh usahawan bimbingan Jabatan. Sebanyak tujuh PPTP di seluruh negara menyediakan sokongan teknikal, bimbingan, pemindahan teknologi dan pembangunan inovasi kepada usahawan serta komuniti perikanan. Bagi tujuan tersebut, Jabatan telah memperuntukkan RM578,519 di bawah RMK-12 dan RM80,000 di bawah *Rolling Plan* 1 (RP1), Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

Pelancaran produk inovasi tersebut memperlihatkan hasil pemindahan teknologi daripada Jabatan kepada usahawan sehingga berjaya diterjemahkan kepada produk komersial. Usaha ini meningkatkan nilai tambah hasil perikanan tempatan serta membuka peluang pasaran dan pendapatan yang lebih luas kepada usahawan.

Dalam majlis yang sama, Jabatan Perikanan Malaysia turut menyampaikan cek cura bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SpeKS) Pengembangan 2026 berjumlah RM1.12 juta kepada 43 penerima myAP dan 11 penerima myKP. Turut disampaikan bantuan *Touch Point* 2026 berjumlah RM348,336 kepada 38 penerima myAP, 125 penerima myKP, 34 penerima Ketua Jaringan Perikanan (KJP), 113 penerima nelayan darat dan 109 penerima nelayan laut.

Penganjuran Karnival myAP dan myKP Kebangsaan 2026 di MAHA 2026 memperlihatkan hasil bimbingan Jabatan dalam membangunkan usahawan, mengangkat inovasi serta meningkatkan nilai komersial produk berasaskan perikanan tempatan, sekali gus membuka lebih banyak ruang kepada produk tempatan untuk berkembang dalam pasaran.

-TAMAT-

Pautan gambar:

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1a5xSuhKbFOWFS9ozSJJ8rWOPXmhJDzOY>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my